

Tingkatan 2 Bab 4: Kekayaan Ekonomi Sarawak Mendorong Penjajahan Keluarga Brooke 砂拉越的经济财富促进 Brooke 家族的殖民

4.1 Perpecahan Membuka Ruang Penjajahan 分裂打开殖民空间

1. Sebelum kurun ke-19, Sarawak berada di bawah pengaruh Kesultanan Brunei. Sarawak pada masa itu merangkumi kawasan di Lembah Sungai Sarawak.

在 19 世纪之前，砂劳越是在汶莱苏丹的影响之下。那个时候的砂劳越包括砂劳越河流域（lembah）地区。

2. Sultan Brunei membahagikan Sarawak kepada beberapa daerah dan setiap daerah ditadbir oleh seorang ketua tempatan yang terdiri daripada kalangan orang Melayu dan orang Dayak.

汶莱苏丹把砂劳越分为几个地区并每个地区由当地首长包括马来人和达雅人管辖。

3. Ketua tempatan digelar Menteri Darat, Temenggung, atau Orang Kaya dan mereka bertanggungjawab melaksanakan arahan dan memungut cukai.

当地首长被称为国土资源部部长（Menteri Darat），天猛公（Temenggung）或 Orang Kaya，他们是负责执行指令和征收税款。

4. Pembesar-pembesar tempatan dilantik oleh sultan Brunei untuk mentadbir wilayah-wilayah di Sarawak tanpa campur tangan daripada sultan Brunei.

当地首长是由汶莱苏丹委任以在没有汶莱苏丹的干预之下管理砂拉越地区。

5. Pada kurun ke-19, sultan Brunei mengubah dasar tidak campur tangannya dengan melantik seorang pembesar Brunei yang bernama Pangeran Indera Mahkota sebagai wakil pemerintah Kesultanan Brunei di Sarawak.

在 19 世纪，汶莱苏丹改变不干预政策并委任名叫 Pangeran Indera Mahkota 的汶莱大臣作为汶莱苏丹政府在砂劳越的代表。

6. Sultan Brunei menempatkan Pangeran Indera Mahkota di Sarawak untuk menguasai kekayaan hasil bumi Sarawak seperti antimoni dan emas.

汶莱的苏丹放置 Pangeran Indera Mahkota 在砂劳越以掌控砂劳越丰富的自然资源，比如锑和黄金。

7. Pangeran Indera Mahkota telah mengambil alih kuasa politik pembesar tempatan untuk menguasai kekayaan dan mengukuhkan kawalannya terhadap Sarawak.

Pangeran Indera Mahkota 接管地方官员的政治权力以控制财富，并巩固他对砂劳越的控制。

8. Pentadbiran Pangeran Indera Mahkota telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk tempatan khususnya pembesar Melayu dan orang Bidayuh.

Pangeran Indera Mahkota 的行政引起当地人的不满之中，特别是马来大臣和 Bidayuh 人。

9. Sebab timbulnya rasa tidak puas hati

发生不满的原因

a) Hasil yang dikeluarkan oleh penduduk tempatan dikenakan cukai yang tinggi.

当地居民的收成被征收较高的税务。

b) Pangeran Indera Mahkota mengambil alih kuasa pentadbiran daripada pembesar Melayu.

Pangeran Indera Mahkota 接管马来大臣的行政管理。

c) Pangeran Indera Mahkota menguasai perdagangan antimoni dan emas daripada pembesar Melayu.

Pangeran Indera Mahkota 从马来大臣手里接手掌控锑和金的贸易。

d) Orang Bidayuh yang bekerja di lombong antimoni kepunyaannya tidak dibayar upah.

拖欠在他锑矿山工作的 **Bidayuh** 人的工资。

10. Tindakan tersebut menyebabkan orang Melayu dan orang Bidayuh menentang Pangeran Indera Mahkota untuk membebaskan Sarawak daripada pemerintahan Kesultanan Brunei. Datu Patinggi Ali mengetuai orang Melayu menentang kezaliman Pangeran Indera Mahkota.

这些举动导致马来人和 **Bidayuh** 人反抗 **Pangeran Indera Mahkota** 以从汶莱政府释放砂劳越。 **Datu Patinggi Ali** 率领的马来人对抗 **Pangeran Indera Mahkota** 的暴政。

11. Pangeran Indera Mahkota gagal menyekat kebangkitan tersebut. Ini menyebabkan Sultan Brunei menghantar Pangeran Raja Muda Hashim untuk membantu menamatkan penentangan daripada penduduk Sarawak.

Pangeran Indera Mahkota 未能阻止这次叛乱。这导致汶莱苏丹派 **Pangeran Raja Muda Hashim** 以帮助结束砂劳越人民的抵抗。

12. Pada tahun 1840, Pangeran Raja Muda Hashim menerima kunjungan James Brooke di Sarawak.

在 1840 年, **Pangeran Raja Muda Hashim** 收到消息说 **James Brooke** 在砂劳越参观。

Latar belakang James Brooke :

James Brooke 的背景:

(a) Bekas tentera SHTI yang pernah terlibat dalam peperangan di Burma.

曾参与缅甸战争的前 **SHTI** 军人。

(b) Belayar dengan kapal bernama Royalist untuk mencari kawasan perdagangan di Tanah Melayu dan Sarawak.

以名为“保皇”的帆船航行以在马来亚和砂劳越寻找商业领域。

13. Pangeran Raja Muda Hashim mendapatkan bantuan daripada James Brooke untuk menamatkan penentangan tersebut.

Pangeran Raja Muda Hashim 得到 **James Brooke** 的帮助—结束这场叛乱。

14. James Brooke dijanjikan dengan jawatan Gabenor Sarawak jika beliau berjaya menamatkan penentangan tersebut.

承诺 **James Brooke** 将出任砂劳越总督一职, 如果他成功结束这场叛乱。

15. James Brooke akhirnya berjaya menamatkan penentangan dengan menggunakan kapal perang dan tentera SHTI.

James Brooke 通过 **SHTI** 的军舰和军队最终成功结束叛乱。

16. Pangeran Raja Muda Hashim melengah-lengahkan pelantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak kerana tawaran yang dibuat kepada James Brooke itu belum mendapat persetujuan sultan Brunei.

Pangeran Raja Muda Hashim 拖延 **James Brooke** 出任砂劳越总督的任职因为给 **James Brooke** 提供的优惠尚未得到汶莱苏丹的同意。

17. Tindakan Pangeran Raja Muda Hashim melengah-lengahkan janjinya kepada James Brooke menyebabkan James Brooke marah dan membedil bandar Kuching.

Pangeran Raja Muda Hashim 拖延他对 **James Brooke** 的承诺的举动，导致 **James Brooke** 生气和袭击古晋城。

18. Pada tahun 1841, Pangeran Raja Muda Hashim terpaksa melantik James Brooke menjadi Gabenor dan Raja Sarawak yang pertama.

在 1841 年，**Pangeran Raja Muda Hashim** 委任 **James Brooke** 为总督和砂劳越第一位王。

19. Satu perjanjian ditandatangani antara James Brooke dengan Pangeran Raja Muda Hashim pada tahun 1841.

Syarat Perjanjian 1841

James Brooke 与 **Pangeran Raja Muda Hashim** 之间于 1841 年签署一项协议。1841 年协议的条款

(a) James Brooke memerintah negeri Sarawak dan menguasai segala hasilnya.

James Brooke 统治砂劳越，掌控收成。

(b) James Brooke harus menghormati dan memelihara undang-undang dan adat istiadat orang Melayu.

James Brooke 必须尊重和维护马来人的法律和习俗。

20. Pada tahun 1842, James Brooke menghadap sultan Brunei, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin bersama angkatan laut British dari Singapura yang diketuai oleh Edward Belcher untuk mengesahkan kedudukannya di Sarawak.

在 1842 年，**James Brooke** 与来自新加坡由 **Edward Belcher** 率领的英国海军觐见汶莱苏丹，**Omar Ali Saifuddin** 苏丹以确认他在砂劳越的地位。

21. Kehadiran James Brooke dan angkatan laut British tersebut membimbangkan sultan Brunei. Baginda terpaksa mengiktiraf perjanjian antara James Brooke dan Pangeran Raja Muda Hashim yang ditandatangani pada tahun 1841.

James Brooke 和英国海军的存在令汶莱苏丹感到担忧。他被逼承认 **James Brooke** 和 **Pangeran Raja Muda Hashim** 之间于 1841 年签署的协议。

22. Satu perjanjian ditandatangani antara Sultan Omar Ali Saifuddin dengan James Brooke Pada tahun 1842. Syarat Perjanjian 1842

在 1842 年 **Omar Ali Saifuddin** 苏丹与 **James Brooke** 之间签署了一项协议。1842 年协议条款

(a) Sultan Brunei menyerahkan Sarawak dari kawasan Tanjung Datu ke Sungai Samarahan dan segala hasil cukainya kepada James Brooke dan pewarisnya.

汶莱苏丹割让砂劳越从 **Tanjung Datu** 到 **Samarahan** 河及它所有税收给 **James Brooke** 和他的继任者。

(b) James Brooke akan membayar 2 500 dolar setiap tahun kepada baginda.

James Brooke 将每年支付 2500 块钱给陛下。

(c) James Brooke tidak boleh mengganggu agama dan adat istiadat penduduk Sarawak.

James Brooke 不能干预砂劳越人民的宗教和风俗习惯。

(d) Sultan Brunei mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Putih Sarawak.

汶莱苏丹承认 **James Brooke** 砂劳越白王。

23. Pada tahun 1846, Sultan Omar Ali Saifuddin cuba menentang James Brooke dan pembesar-pembesar yang menyokong James Brooke. Tetapi dengan bantuan tentera laut British, James Brooke berjaya menewaskan Sultan Omar Ali Saifuddin.

在 1846 年，**Omar Ali Saifuddin** 苏丹企图反抗 **James Brooke** 和支持 **James Brooke** 的官员。但在英国海军的帮助下，**James Brooke** 成功击败 **Omar Ali Saifuddin** 苏丹。

24. Sultan Omar Ali Saifuddin terpaksa menandatangani perjanjian untuk mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Sarawak yang merdeka dan mempunyai kedaulatan sepenuhnya terhadap Sarawak.

Omar Ali Saifuddin 苏丹被逼签署一项协议以承认 **James Brooke** 为砂劳越独立的王和有砂劳越完全的自主权。

25. Rentetan peristiwa penyerahan Sarawak kepada James Brooke

提交砂劳越给 **James Brooke** 事件的顺序

Tahun 年	Peristiwa 事件
1836	Kebangkitan orang Melayu dan orang Bidayuh menentang Pangeran Indera Mahkota bagi membebaskan Sarawak daripada pemerintahan Kesultnan Brunei. 马来人和 Bidayuh 人崛起对抗 Pangeran Indera Mahkota 以从汶莱政府释放砂劳越。
1840	Pangeran Raja Muda Hashim meminta bantuan James Brooke untuk menamatkan penentangan di Sarawak. Pangeran Raja Muda Hashim 请求 James Brooke 的援助，以结束砂劳越的叛乱。
1841	Pangeran Raja Muda Hashim melantik James Brooke sebagai Gabenor dan Raja Sarawak. Pangeran Raja Muda Hashim 委任 James Brooke 为总督和砂劳越王。
1842	Sultan Omar Ali Saifuddin mengiktiraf perjanjian antara Pangeran Raja Muda Hashim dengan James Brooke. Omar Ali Saifuddin 苏丹承认 Pangeran Raja Muda Hashim 与 James Brooke 之间的协议。
1846	Sultan Omar Ali Saifuddin mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Sarawak yang merdeka. Omar Ali Saifuddin 苏丹承认 James Brooke 为砂劳越独立的王。

4.2 Keluarga Brooke Meluaskan Kuasa (Brooke 家族扩充势力)

1. Antara tahun 1853 hingga tahun 1905, James Brooke dan Charles Brooke telah memperluaskan kawasan pemerintahan mereka dengan mendapatkan bantuan angkatan laut British. Kapal HMS Dido menjadi bukti keluarga Brooke meluaskan kuasa di Sarawak menggunakan kekuatan ketenteraan.

1853 年至 1905 年之间，**James Brooke** 和 **Charles Brooke** 得到英国海军的援助以扩展他们的领土。HMS Dido 船就是 **Brooke** 家族使用军力在砂劳越扩展势力的证据。

2. Pada tahun 1853, keluarga Brooke menguasai kawasan antara Sungai Samarahan dan Sungai Rajang setelah Sultan Abdul Mu'mein gagal mengawal kebangkitan di Saribas dan Batang Lupar.

在 1853 年，**Brooke** 家族控制 **Samarahan** 河与拉让河当 **Mu'mein** 苏丹无法控制 **Saribas** 和 **Batang Lupar** 的区域的叛乱。

3. Baginda menyerahkan tanah antara Sungai Samarahan dengan Sungai Rajang kepada keluarga Brooke dengan bayaran sebanyak 1 500 dolar setahun.

陛下以每年 1500 美元把 **Samarahan** 河与拉让河之间的土地移交给 **Brooke** 家族。

4. Pada tahun 1861, masalah kekacauan di sepanjang Sungai Rajang menyebabkan Sultan Mu'mein menyerahkan Sungai Rajang kepada keluarga Brooke dengan bayaran sebanyak 4 500 dolar setahun.

在 1861 年，沿着拉让河引起的混乱导致 Mu'mein 苏丹以每年 4500 美元把拉让河移交的 Brooke 家族。

5. Pada tahun 1883, kawasan di lembangan Sungai Trusan diserahkan kepada Brooke berikutan peristiwa pembunuhan beberapa orang peniaga Sarawak oleh orang Murut. Kawasan tersebut diserahkan oleh sultan dengan bayaran sebanyak 4 500 dolar.

在 1883 年，继几个砂劳越贸易商被 Murut 人杀害之后，Trusan 河域一带被移交给 Brooke。该地区以 4500 美元被苏丹移交。

6. Pada tahun 1905, Charles Brooke membeli Lawas daripada Sultan Hashim Jalal.

在 1905 年，Charles Brooke 向 Hashim Jalal 苏丹买下 Lawas。

7. Menjelang tahun 1905, keluarga Brooke telah berjaya meluaskan wilayahnya hingga ke sempadan Brunei.

截至 1905 年，Brooke 家族成功将领土扩大到汶莱的边界。

8. Sempadan Sarawak yang dibentuk oleh keluarga Brooke kekal sehingga hari ini.

由 Brooke 家族形成的砂劳越边境维持到今天。

9. Kawasan yang dikuasai oleh keluarga Brooke pada tahun 1841-1905

1841 年至 1905 年被 Brooke 家族统治的区域

Keluarga Brooke (Brooke 家族)	Tahun 年	Kawasan yang dikuasai 被控制的区域
James Brooke	1841	Kuching dan Lembah Sungai Sarawak.
	1842	Tanjung Datu ke Sungai Samarahan.
	1853	Batang Lupar, Saribas, Sadong, dan Sungai Kerian.
	1861	Mukah, Oya, Tawau, Bintulu dan kawasan Rajang.
Charles Brooke	1883	Kawasan dari Tanjung Kidurung ke Sungai Baram.
	1905	Lawas

Mesej Focus 资讯焦点

Fort Margherita dibina oleh James Brooke pada tahun 1879 sebagai benteng pertahanan daripada rakyat tempatan.

Margherita 炮台是由 James Brooke 于 1879 年建成的堡垒为对抗当地人民。

4.3 Keluarga Brooke Memantapkan Pentadbiran (Brooke 家族稳定行政)

1. Di Sarawak, James Brooke memperkenalkan sistem pemerintahan beraja. Bagi mendapatkan sokongan penduduk tempatan, beliau mengekalkan sistem pemerintahan tradisional dengan melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan dalam pentadbiran.

在砂劳越，James Brooke 推出君主制度。为了得到当地居民的支持下，他通过当地领袖参与行政保持传统的政府制度。

2. Beliau melantik pembesar-pembesar Melayu yang berpengaruh dan berpengalaman seperti Datu Patinggi, Datu Bandar, dan Datu Temenggung untuk membantunya mentadbir Sarawak. Pembesar Melayu tersebut berperanan menasihati beliau dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang dan adat tempatan.

他委任有影响力和有经验的马来大臣比如 Datu Patinggi, Datu Bandar 和 Datu Temenggung 以帮助他统治砂劳越。马来大臣的作用是向他劝说有关当地法律和风俗习惯事务。

3. Ciri pentadbiran yang diperkenalkan oleh James Brooke

James Brooke 推出的行政的特征

(a) Pembentukan Majlis Tertinggi, Majlis Negeri dan Majlis Bahagian.

最高委员会，国务院和司委会的成立。

Perkara 事件	Majlis Tertinggi 最高委员会	Majlis Negeri 国务院	Majlis Bahagian 司委会
Keanggotaan	<ul style="list-style-type: none"> • Residen Bahagian Pertama 第一部分领事 • Empat orang Datu Melayu. 四个马来大督 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua kaum bumiputera. 原住民族长 	<ul style="list-style-type: none"> • Residen 领事 • Penolong Residen 副领事 • Penolong Pegawai Daerah 民政事务助理专员 • Pegawai Anak Negeri 本地官员 • Ketua Kampung 村长
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> • Menasihati James Brooke. 劝说 James Brooke。 • Membuat dasar kerajaan. 制定政府的政策。 • Meluluskan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran negeri Sarawak. 通过有关砂劳越行政的立法和法律。 	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi peluang kepada pemimpin bumiputera. bersidang tiga tahun sekali. 给原住民领袖每三年开一次会议。 • Menyuarakan pandangan dan bertukar-tukar fikiran. 在会议中表达意见和交换想法。 • Mengambil bahagian dalam pentadbiran. 参与行政。 	<ul style="list-style-type: none"> • Menasihati Residen. 劝说领事。 • Mengetuai operasi ketenteraan. 率领军事行动。 • Menjaga keamanan. 照顾安宁。 • Mengutip cukai. 征收税务。

(b) Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian dan setiap bahagian ditadbir oleh Majlis Bahagian.

砂劳越分为五个部分，每个部分由司委会管理。

(c) Penubuhan Jabatan Kehakiman, Jabatan Polis, Jabatan Kastam dan Cukai, serta Jabatan Pos.

设立司法部，警察局，海关部与邮政局。

(d) Penubuhan Mahkamah Keadilan.

建立司法法院/法庭。

Kes 案件	Kaum 民族	Hakim 法官
Sivil 民事	Melayu, Dayak, Cina 马来人，达雅人，华人	Ketua kaum masing-masing. 各自的族长。
Jenayah 刑事	Semua kaum 全部民族	Raja Sarawak, Residen, atau Timbalan Residen. 砂劳越王，领事或副领事。

4. Apabila James Brooke meninggal dunia, anak saudaranya, Charles Brooke dilantik sebagai Raja Sarawak.

当 **James Brooke** 去世后，他的侄子，**Charles Brooke** 被任命为砂拉越王。

5. Pada tahun 1888, British menandatangani perjanjian dengan Charles Brooke bertujuan mengukuhkan pengaruh British di Sarawak. Kesan daripada perjanjian tersebut, Sarawak menjadi negeri naungan British.

在 1888 年，英国与 **Charles Brooke** 签署协议旨在巩固英国在砂劳越的影响力。这个协议的后果，砂劳越成为英国的附属国。

6. Syarat perjanjian antara kerajaan British dengan Charles Brooke, 1888

1888 年，英国政府和 Charles Brooke 之间协议的条款

(a) Keluarga Brooke memerintah negeri Sarawak dengan bebas.

Brooke 家族自由地统治砂劳越。

(b) British melindungi Sarawak daripada musuh.

英国保护砂劳越避免受敌人攻击。

(c) British akan mengawal hal ehwal luar Sarawak.

英国将控制砂劳越外交事务。

Mesej Focus 资讯焦点

Nama sebenar Charles Brooke ialah Charles Johnson. Beliau ialah anak saudara kepada James Brooke. Charles Brooke mula berkhidmat di Sarawak pada tahun 1852 sebagai Tuan Muda. Beliau mula berkuasa di kawasan Lundu. Charles Brooke kemudiannya menggantikan James Brooke sebagai Raja Putih Sarawak. Beliau berkahwin dengan Margaret de Windt yang bergelar Ranee Sarawak. Sebelum menjadi Raja Sarawak kedua, Charles Brooke telah memangku jawatan raja Sarawak sewaktu James Brooke pulang ke England pada tahun 1863. Beliau mula menyandang jawatan Raja Sarawak selepas kematian James Brooke pada tahun 1868. Beliau memerintah Sarawak selama 48 tahun.

Charles Brooke 的真名是 Charles Johnson。他是 James Brooke 的侄子。Charles Brooke 于 1852 年开始作为少主在砂劳越服务。他开始在 Lundu 区掌权。Charles Brooke 然后代替 James Brooke 为白王。他与被称为砂劳越皇后 (Ranee) 的 Margaret de Windt 结婚。在成为第二任砂劳越王之前，当 James Brooke 于 1863 年回英国时，Charles Brooke 暂代砂劳越王。当 James Brooke 于 1868 年去世之后，他开始担任砂劳越国王的位置。他统治砂劳越长达 48 年。

6. Charles Brooke digantikan oleh anaknya, Charles Vyner Brooke pada tahun 1917.

Charles Brooke 于 1917 年被他的儿子，Charles Vyner Brooke 接替。

7. Sempena Ulang Tahun 100 tahun pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak pada 24 September 1941, Charles Vyner Brooke mengisytiharkan Perlembagaan Sarawak 1941.

配合 Brooke 家族管理砂劳越 100 周年，于 1941 年 9 月 24 日，Charles Vyner Brooke 声明 1941 年砂劳越宪法。

8. Perlembagaan tersebut merupakan perlembagaan bertulis pertama di Sarawak yang menggariskan pemberian kuasa pemerintahan kepada rakyat Sarawak melalui Majlis Negeri.

这个宪法是砂劳越第一个书面宪法，其中概述通过国务院授予主权给砂拉越的人民。

9. Isi kandungan Perlembagaan Sarawak 1941

1941 年砂劳越宪法内容

(a) Charles Vyner Brooke menyerahkan kuasa mutlaknya kepada Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri.

Charles Vyner Brooke 分出他绝对的权力给最高委员会和国务院。

(b) Raja Sarawak memerintah dengan nasihat Majlis Tertinggi.

砂劳越王以最高委员会的意见来统治。

(c) Majlis Negeri diberi kuasa meluluskan undang-undang dan menguruskan kewangan.

国务院有权通过立法和财务管理。

(d) Raja Brooke mempunyai kuasa untuk membatalkan undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Negeri.

Brooke 王有权力推翻由国务院通过的法律。

(e) Raja Brooke melantik kebanyakan ahli Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri.

Brooke 王委任大多数的最高委员会和国务院成员。

10. Perbandingan bidang tugas Majlis Negeri sebelum Perlembagaan Sarawak 1941 dan selepas Perlembagaan Sarawak 1941

比较国务院在 1941 年砂劳越宪法之前和 1941 年砂劳越宪法之后的责任范围

Sebelum Perlembagaan Sarawak 1941 1941 年砂劳越宪法之前	Selepas Perlembagaan Sarawak 1941 1941 年砂劳越宪法之后
(a) Menyuarakan pandangan dan bertukar-tukar fikiran dalam persidangan. 在会议中表达意见和交换想法。 (b) Mengambil bahagian dalam pentadbiran. 参与行政。	(a) Meluluskan undang-undang. 通过立法。 (b) Menguruskan kewangan. 处理财政。

11. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Sarawak 1941 tidak dapat dilaksanakan kerana berlakunya Perang Dunia Kedua.

然而，1941 年砂劳越宪法无法实施因为发生第二次世界大战。

Mesej focus 资讯焦点

Charles Vyner Brooke ialah anak sulung Charles Brooke. Beliau dilahirkan pada tahun 1874 dan mendapat pendidikan di England. Walaupun beliau melibatkan diri dalam pentadbiran sewaktu bapanya menjadi raja Sarawak, namun Charles Vyner Brooke tidak berminat dalam bidang pemerintahan dan pentadbiran. Beliau dilantik menjadi Raja Putih ketiga selepas bapanya meninggal dunia pada tahun 1917. Beliau memerintah sehingga tahun 1946. Pada tahun tersebut, beliau menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Charles Vyner Brooke 是 **Charles Brooke** 的长子。他出生于 1874 年并在英国受教育。尽管他在他爸爸统治时期已参与砂劳越的行政，但 **Charles Vyner Brooke** 对治理和行政不感兴趣。他在他的父亲于 1917 年去世成之后为第三个白王。他统治到 1946 年。在这一年，他把砂劳越交给英国政府。

4.4 Perubahan Ekonomi di Bawah Pentadbiran Keluarga Brooke (在 Brooke 家族的行政下，经济的变化)

1. Di Sarawak, Raja Brooke tidak menggalakkan kemasukan pelaburan dari luar secara besar-besaran.

在砂劳越，**Brooke** 王不鼓励外来投资商大规模的进入。

2. Keluarga Brooke berjaya meneroka kekayaan hasil hutan Sarawak seperti getah jelutung, rotan dan sarang burung.

Brooke 家族成功发掘砂劳越森林产品的财富比如 jelutung 橡胶，藤和燕窝。

3. Tanah Sarawak sesuai untuk tanaman baru seperti getah dan tembakau.

砂劳越的土地适合种植新的作物比如橡胶和烟草。

4. Tanaman tradisional seperti kelapa, gambir, lada hitam, dan sagu turut diusahakan dengan giat.

活跃种植发展传统农作物比如椰子，钩藤，胡椒和西米。

5. Sarawak juga kaya dengan sumber galian seperti antimoni, emas, arang batu, raksa, dan minyak.

砂劳越有丰富的矿产资源，如锑，金，煤石，水银和石油。

6. Walaupun keluarga Brooke menguasai ekonomi Sarawak, namun orang Cina diberi peluang untuk bergiat dalam bidang perdagangan dan perlombongan.

虽然 Brooke 家族掌控砂劳越的经济，但给予华人机会参与贸易活动和矿业。

7. Kebanyakan kegiatan ekonomi tertumpu di Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua Sarawak menyebabkan pembangunan ekonomi Sarawak menjadi tidak seimbang.

大部分的经济活动都集中在第一部分和第二部分导致砂劳越砂劳越的经济发展失去平衡。

4. 4. 1 Hasil Hutan Mengukuhkan Keuntungan 森林产品巩固盈利

1. Sarang burung dikutip dari gua batu kapur seperti di Gua Niah dan dijual dengan harga yang tinggi.

燕窝是从石灰岩溶的洞穴，比如尼亚石洞收集并以高价出售。

2. Hasil hutan lain yang mendatangkan keuntungan kepada Brooke ialah kapur barus, rotan, damar, getah jelutung, dan kayu balak.

其他给 Brooke 带来盈利的森林产品是香樟（kapur barus），藤，树脂（damar），jelutung 橡胶和木材。

3. Hasil getah jelutung banyak dieksport ke Amerika Syarikat.

Jelutung 橡胶多数出口到美国。

4. Kegiatan pembalakan dijalankan oleh Syarikat Borneo dan orang Cina di sekitar Sungai Rajang. Hasilnya dieksport ke Australia, Amerika Syarikat, dan Hong Kong.

伐木活动由本婆罗洲公司和拉让河一带的华人进行。成果出口到澳大利亚，美国和香港。

4. 4. 2 Kemajuan Pertanian Menguntungkan Keluarga Brooke 农业发展给 Brooke 家族带来盈利

1. Tanaman tradisional yang diusahakan secara giat untuk dieksport ialah :

被发展并出口的传统农作物是：

(a) Gambir 钩藤

(i) Menjelang tahun 1885, eksport gambir berjumlah 1370 tan.

到 1885 年，钩藤的出口量多达 1370 吨。

(b) Kelapa 椰子

(i) Ditanam oleh orang Melayu di Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua.

在第一部分和第二部分被马来人种植。

(c) Lada hitam 胡椒

(i) Ditanam oleh penduduk Cina di sekitar Bahagian Pertama dan Bahagian Ketiga.

在第一部分和第三部分一带被华人种植。

(d) Sagu 西米/西米露

(i) Diusahakan oleh kaum Melanau di sepanjang tebing Sungai Igan, Oya, Mukah, dan Bintulu.

由 **Melanau** 族在 **Igan** 河河堤, **Oya**, 木胶及民都鲁发展。

(ii) Pada kurun ke-19, separuh daripada pengeluaran hasil sagu dunia dikeluarkan oleh Sarawak.

在 19 世纪, 全球一半的西米是由砂劳越生产。

(iii) Kilang memproses sagu di Sarawak diusahakan oleh orang Cina.

砂劳越的西米加工厂是由华人营运。

(iv) Batang rumbia diikat dan direndam di dalam sungai untuk melembutkannya.

西米树干被捆绑起来, 并浸泡在河里以软化它。

(v) Kemudian, batang rumbia dibelah untuk mendapatkan isinya yang dipanggil ripo.

过后, 西米树干被破开以得到它称为 **ripo** 的内容。

2. Bagi meningkatkan eksport, keluarga Brooke telah memperkenalkan tanaman baru seperti :

为了增加出口, **Brooke** 家族不断推出新的农作物, 比如:

(a) Getah 橡胶

(i) Ditanam untuk dieksport.

被种植以出口。

(ii) Perusahaan getah dijalankan secara kecil-kecilan.

小型发展橡胶业。

(iii) Ditanam di sekitar kawasan Kuching dan Sarikei.

在古晋和泗里街一带种植。

(iv) Menjelang kurun ke-20, pengeluaran getah meningkat dan menjadi eksport Sarawak yang kedua penting selepas minyak.

近 20 世纪, 橡胶产量提升并成为砂劳越继石油之后第二个重要的出口产品。

(b) Tembakau 烟草

(i) Ditanam di Lundu.

在 **Lundu** 种植。

(ii) Dieksport ke London.

出口到伦敦。

4.4.3 Perlombongan Memantapkan Kekayaan Keluarga Brooke 矿业稳定 Brooke 家族的财富

1. Selain mengusahakan pertanian, keluarga Brooke juga mengusahakan perlombongan sumber galian.

除了发展农业，**Brooke** 家族还发展开采矿产资源。

2. Bahan galian yang diusahakan ialah antimoni, arang batu, emas, dan minyak.

开采的矿物质有锑，煤石，金和石油。

3. Syarikat Borneo Bhd. ditubuhkan pada tahun 1856 untuk menjalankan kegiatan perlombongan di Sarawak. Ibu pejabatnya terletak di Singapura.

婆罗洲有限公司成立于 **1856** 年以开采在砂劳越的矿物。它的总部设在新加坡。

A) Emas 金

1. Pada awal kurun ke-20, emas merupakan antara bahan eksport yang penting bagi Sarawak.

在 **20** 世纪初，黄金是砂劳越最重要的出口产品之一。

2. Emas dilombong di Bau oleh pelombong Cina.

金在 **Bau** 矿场被华人矿工开采。

3. Pada tahun 1857, pelombong Cina memberontak kerana tidak berpuas hati dengan cukai yang dikenakan oleh kerajaan Brooke.

1857 年，华人矿工反叛的原因是因为不满 **Brooke** 政府征收的税收。

4. Brooke berjaya mematahkan pemberontakan tersebut dan pelombong-pelombong Cina melarikan diri ke Sambas.

Brooke 成功解决这次叛乱并华人矿工逃到 **Sambas**。

5. Perlombongan emas kemudiannya diusahakan oleh Syarikat Borneo.

黄金矿业，过后由婆罗洲公司营运。

B) Antimoni 锑

1. Antimoni ialah sejenis logam yang bernilai di Sarawak.

锑是在砂劳越有价值的金属。

2. Perlombongan antimoni dimonopoli oleh Syarikat Borneo di Bau dan Kuching.

古晋和巴乌 (**Bau**) 的锑矿被婆罗洲公司垄断。

3. Antara tahun 1870 hingga 1916, antimoni yang dieksport dari Sarawak bernilai hampir dua juta dolar.

1870 年至 **1916** 年之间，砂劳越出口锑的价值近二百万美元。

4. Pada akhir kurun ke-20, antimoni tidak lagi menjadi bahan eksport yang penting kerana longgokan galian semakin berkurangan.

在 **20** 世纪末，锑不再是重要的出口产品因为矿产耗尽的问题。

C) Minyak 油

1. Setelah pengeluaran emas, antimoni, arang batu, dan raksa merosot pada tahun 1882, usaha cari gali minyak menjadi tumpuan kerajaan Brooke.

金，锑，煤石和水银的生产于 1882 年下降以后，Brooke 政府把重点放在开采石油。

2. Pada tahun 1909, the Anglo-Saxon Oil Company telah mendapat konsesi untuk menjalankan kegiatan perlombongan petroleum di Sarawak.

1909 年，Anglo-Saxon 石油公司获得特许经营权以便在砂劳越开采石油。

3. Telaga minyak petroleum yang pertama digali di Miri pada tahun 1882.

美里于 1882 年第一次挖石油油井。

4. Pada tahun 1917, kilang menapis minyak didirikan di Lutong.

1917 年，在 Lutong 建炼油厂。

4.5 Perubahan Sosial di Bawah Pentadbiran Keluarga Brooke (在 Brooke 家族的行政下，社会的变化)

1. Keluarga Brooke telah mengadakan perubahan dalam bidang pentadbiran, ekonomi, dan sosial selama 105 tahun pemerintahannya.

Brooke 家族 105 年的统治期间，给行政，经济和社会带来变化。

2. Namun, perubahan yang dilakukan itu tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat tempatan.

但是，进行的更改不能完全被当地人享受。

3. Kemudahan asas yang dibina oleh keluarga Brooke hanya dinikmati oleh penduduk yang tinggal di bandar sahaja.

Brooke 家族建造的基本设施只有生活在城市的人享受到。

4. Penduduk peribumi yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar masih kekal dengan cara hidup tradisional mereka.

大多生活在农村地区的原住民，仍然维持他们的传统生活方式。

4.5.1 Dasar Pentadbiran 行政管理的政策

1. Keluarga Brooke mengamalkan dasar pecah dan perintah bagi mengukuhkan kuasanya di Sarawak.

Brooke 家族实施分而治之的策略，以巩固他在砂劳越的权力。

2. Setiap kaum dipisahkan dengan kegiatan ekonomi dan pekerjaan yang berbeza.

每个民族被不同的经济活动和工作隔离。

Kaum 民族	Pekerjaan 工作
Melayu 马来人	Pentadbir 行政人员
Iban 伊班人	Tentera 军队
Cina 华人	Petani, pelombong, pedagang 农民，矿工，商人
India 印度人	Peniaga kain di Kuching 古晋的布料商人
Sikh 锡克人	Polis 警察

3. Penduduk juga dipisahkan melalui petempatan yang berbeza.

居民也被不同的住区隔离。

Kaum 民族	Petempatan 住区
Cina 华人	Bandar seperti Miri, Bintulu, dan Sibul 城市比如美里, 民都鲁和诗巫
Bumiputera 原住民	Pedalaman 内陆地区

4.5.2 Perkembangan Bandar 城市发展

1. Perkembangan ekonomi dan pertambahan penduduk telah membawa kepada pembangunan bandar seperti Kuching, Miri dan Sibul.

经济发展和人口增长导致了城市的发展, 比如古晋, 美里和诗巫。

2. Bandar ini berkembang menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan.

这城市发展成行政中心和贸易中心。

(a) Kuching telah menjadi ibu negeri dan pusat pentadbiran kerajaan Sarawak mulai tahun 1841.

古晋于 1841 年开始成为砂劳越首都和州政府行政中心。

(b) Miri berkembang menjadi pusat perdagangan yang pesat selepas kegiatan perlombongan petroleum dijalankan pada tahun 1910.

美里于 1910 年进行石油开采活动后, 发展成为繁荣的贸易中心。

3. Perkembangan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, dan elektrik terhad di kawasan bandar yang menjadi pusat pentadbiran dan pusat kegiatan ekonomi.

基础设施发展, 如道路, 水和电力供应只限于成为行政和经济中心的城市地区。

4. Pentadbiran Brooke kurang memberi perhatian terhadap kemudahan asas di kawasan pedalaman.

Brooke 行政很少关注农村地区的基础设施。

4.5.3 Pengangkutan dan Perhubungan 交通和通讯

1. Sistem perhubungan dan pengangkutan tertumpu di bandar besar.

通讯和交通系统都集中在大城市。

2. Jalan raya hanya dibina di kawasan bandar utama seperti Kuching dan Miri.

道路只修建在主要的城市地区, 如古晋和美里。

3. Landasan kereta api dibina pada tahun 1917 untuk menghubungkan Kuching dengan Bau. Namun, pada tahun 1932 akibat kemelesetan ekonomi, perkhidmatan kereta api di Sarawak diberhentikan.

连接古晋与巴乌 (Bau) 之间的铁路建于 1917 年。然而, 由于 1932 年的经济衰退, 砂劳越的火车停止服务。

4. Pengangkutan air lebih utama daripada pengangkutan darat di Sarawak. Di bandar Kuching, syarikat perkapalan seperti Singapore and Sarawak Steamship Company menyediakan perkhidmatan syarikat perkapalan.

在砂劳越水路运输比陆路运输更为主要。在古晋市的, 船务公司如新加坡和砂劳越轮船公司提供货运。

5. Pada tahun 1924, perkhidmatan kapal terbang air yang pertama diadakan untuk menghubungkan Kuching dengan Singapura.

1924 年, 开始第一次水上飞机服务, 以连接古晋和新加坡。

6. Perkhidmatan pos dan telefon diperkenalkan di Sarawak bagi melicinkan urusan ekonomi dan pentadbiran.

邮政和电话服务被引入砂劳越，以促进经济和行政事务。

7. Pada tahun 1897, perkhidmatan telegraf diwujudkan antara Kuching dengan Singapura.

1897 年，电报服务成立于古晋和新加坡之间。

4. 5. 4 Kemudahan Kesihatan 医疗设施

1. Pembinaan klinik dan hospital di Sarawak dimulakan oleh golongan mubaligh Kristian.

在砂劳越建设诊所和医院是由一群基督教传教士开始的。

2. Kemudahan kesihatan hanya terdapat di kawasan bandar seperti Kuching dan Sibu dan kurang disediakan di kawasan pedalaman.

只有在城市地区，如古晋和诗巫提供医疗设施而在农村地区则很少准备医疗设施。

3. Jabatan Hospital di Sarawak dibina pada tahun 1909 yang dikenali sebagai Pavilion.

医院科室在砂劳越创建于 1909 年，被称为楼阁。

4. 5. 5 Perkembangan Pendidikan 教育发展

1. Pentadbiran Brooke kurang memberi perhatian terhadap perkembangan pendidikan moden di Sarawak.

Brooke 行政不重视在砂劳越的现代教育发展。

2. Charles Brooke hanya membina sekolah untuk orang Melayu dan Cina sahaja.

Charles Brooke 只是建立学校给马来人和华人而已。

3. Beliau tidak menggalakkan pembinaan sekolah untuk orang Dayak kerana matlamat utama ialah mengekalkan cara hidup tradisional mereka.

他不鼓励为达雅族建设学校，因为主要目标是维持达雅族的传统生活方式。

4. Brooke juga tidak yakin sistem pendidikan Barat sesuai untuk penduduk tempatan.

Brooke 没有把握西方教育制度适合当地人。

5. Sekolah Melayu mula dibina pada tahun 1883, iaitu selepas 42 tahun pemerintahan Brooke di Sarawak. Ciri-ciri sekolah Melayu :

马来学校开始建于 1883 年，那就是经过 Brooke 在砂劳越统治 42 年之后。马来学校的特点：

(a) Menggunakan pengantar bahasa Melayu.

使用马来语作为教学语言。

(b) Melatih orang Melayu Sarawak menjadi guru sekolah Melayu dan kakitangan rendah kerajaan.

培训砂劳越马来人成为马来学校老师和职位低的政府公务员。

(c) Menggunakan buku-buku yang dibawa dari Semenanjung Tanah Melayu.

使用从马来半岛带来的书籍。

(d) Sekolah Melayu yang dibina oleh kerajaan ialah Sekolah Merpati Jepang dan Sekolah Encik Buyong. Kedua-dua sekolah ini telah digabungkan menjadi madrasah Melayu.

政府兴建的马来学校是 **Merpati Jepang** 学校和 **Encik Buyong** 学校。这两个学校已经合并成马来回教学校。

6. Kerajaan Brooke menggalakkan golongan mubaligh mendirikan sekolah Inggeris. Kesemua sekolah mubaligh ini dibina di bandar Kuching. Sekolah Inggeris terawal di Sarawak ialah :

Brooke 家族鼓励传教士建立英语学校。所有教会学校都建在古晋市。在砂劳越最早的英语学校是：

(a) Sekolah St. Thomas (1848)

圣汤姆斯学校（**1848** 年）

(b) Sekolah St. Mary (1850)

圣玛丽学校（**1850** 年）

(c) Sekolah St. Teresa (1855)

圣特蕾莎学校（**1855** 年）

7. Sekolah Cina di Sarawak dibiayai oleh saudagar Cina. Ciri-ciri sekolah Cina :

砂劳越的华校由华商资助。华校的特点：

(a) Guru, buku teks, dan sukatan pelajaran dibawa dari negara China.

从中国带进教师，课本和教育大纲。

8. Pada tahun 1917, sekolah untuk kaum Melanau didirikan.

1917 年，学校建立给马兰诺（**Melanau**）族。

9. Pada tahun 1924, Jabatan Pelajaran ditubuhkan untuk mengawal perkembangan pendidikan di Sarawak dan memastikan semua sekolah yang ditubuhkan berdaftar di bawahnya.

1924 年，成立教育部以控制教育的发展状况，并确保所有成立的学校据此注册。

10. Pada tahun 1936, terdapat 25 buah sekolah kerajaan di Sarawak.

1936 年，砂劳越有 **25** 间政府学校。

11. Terdapat guru-guru di sekolah kerajaan yang mendapat latihan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

有接受 **Tanjung Malim** 的 **Idris** 苏丹培训学院的教师在的公立学校任教。

12. Pada tahun 1940, Maktab Perguruan Kent didirikan untuk melatih guru sekolah Melayu.

1940 年，肯特师训学院的创立是为了培训的马来学校的教师。

Kronologi Perkembangan Pemerintahan di Sarawak

砂拉越政府事态发展的年表

Tahun 年	Pemerintahan 行政管理
Sebelum 1841 （ 1841 年之前）	Kesultanan Brunei 汶莱苏丹
1841-1868	James Brooke

1868-1917	Charles Brooke
1917-1941	Charles Vyner Brooke
1942-1945	Pendudukan Jepun 日军占领
1946-1963	Penjajahan British 英国统治
16 September 1963 (1963年9月16日)	Menyertai Malaysia 加入马来西亚

TRANSLATE BY KONG BUJING